From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 12 February, 2023 9:01:28 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: IMAM DAN BILAL SURI TELADAN UMMAH

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 FEBRUARI 2023 / 21 REJAB 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Rozita Mohd Rejab
Gambar oleh: Pusat Islam

IMAM DAN BILAL SURI TELADAN UMMAH



UUM ONLINE: Fungsi masjid tidak terhad sebagai tempat ibadat solat sahaja, malahan turut merangkumi sebagai pusat pembangunan masyarakat, pendidikan, pentadbiran, penyatuan ummah, sahsiah, ekonomi

dan sosia.

Pemerkasaan masjid sebagai institusi Islam juga perlu kepada transformasi pengurusan pembangunan yang diurus dengan cekap dan efisien serta selari dengan keperluan semasa dan syariah.

Menyedari tentang keperluan membangunkan institusi masjid agar lebih mantap dan berkesan, Pusat Islam telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Etika Profesionalisme Imam dan Bilal, baru-baru ini.

Menurut Kamus Bahasa Melayu, etika bermaksud ilmu berkaitan prinsip-prinsip akhlak atau moral yang menjadi pegangan seseorang individu atau kumpulan. Maka bagi memastikan fungsi masjid sentiasa terpelihara, peranan imam dan bilal yang beretika hendaklah dimantapkan.

Bengkel telah dikendalikan oleh Dr. Abdullah Abdul Ghani, mantan staf UUM yang berpengalaman selama 24 tahun menjadi Imam di Masjid Jamek Hutan Kampong.

Menurutnya, objektif bengkel itu adalah bagi mempertingkatkan kemahiran dan kefahaman imam dan bilal mengenai fiqh imam dan bilal, memperjelaskan mengenai etika sebenar imam dan bilal, memperbaiki serta mempertingkatkan mutu bacaan Al-Quran dan azan serta memantapkan aspek kemahiran meliputi personaliti, bacaan dan sebagainya.

“Selain hebat tentang hukum, seseorang imam dan bilal perlu mempunyai ciri-ciri ikhlas, warak, berpakaian bersih, berdisiplin, disukai jemaah, berilmu, rajin dan kreatif,” katanya.

Imam juga selalu menjadi tempat rujukan masyarakat setempat dan tempat menyelesaikan masalah. Malahan di kebanyakan masjid, tugas imam selain menjadi pegawai masjid, beliau turut berperanan sebagai juru nikah.

Di akhir bengkel, Timbalan Pengarah Pusat Islam, Mohd Yusnaidi Md. Sabri telah membuat rumusan mengenai etika imam dan bilal yang dipersetujui oleh semua peserta.



UUM Consider
UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.